

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 ( 26 )  
Tarikh : 14 Julai 2022

## NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 6/2022

### Semua Pelajar

Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru  
Johor

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,*

### PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAGI SEMESTER 1 SESI 2022/2023

Sesi akademik bagi Semester 1 Sesi 2022/2023 akan bermula pada 16 Oktober 2022. Sehubungan itu, berikut merupakan garis panduan bagi permohonan kolej kediaman pelajar.

#### 1.0 Penempatan Pelajar di Kolej Kediaman

1.1 Pelajar UTM akan ditempatkan di kolej kediaman seperti berikut:

Bil.	Jenis Pelajar	Tempatan	Antarabangsa
1.	Prasiswazah Pengambilan Baharu Sesi 2022/2023	Tinggal dalam kampus	Tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman
2.	Prasiswazah Pelajar Kanan	Tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman	
3.	Pascasiswazah	Tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman	

1.2 Pelajar PALAPES, pelajar SUKSIS dan pelajar berkeluarga akan ditempatkan di kolej kediaman seperti berikut:

- 1.2.1 Penempatan pelajar PALAPES adalah di Kolej Tun Dr. Ismail dan perlu mendapatkan pengesahan sebagai ahli daripada markas PALAPES.
- 1.2.2 Penempatan pelajar SUKSIS adalah di Kolej Tuanku Canselor dan perlu mendapatkan pengesahan sebagai ahli daripada markas SUKSIS.
- 1.2.3 Permohonan untuk perumahan pelajar berkeluarga adalah dengan mengisi borang yang boleh diperolehi di Pejabat Kolej Perdana atau

melalui laman sesawang berikut:  
<https://www.utm.my/hospitality/perumahan-pelajar-berkeluarga-universiti/>.

## 2.0 Urusan Permohonan Kolej Kediaman

### 2.1 Proses Permohonan Kolej Kediaman

- 2.1.1 Pemohon merupakan pelajar Universiti Teknologi Malaysia dan masih berstatus **aktif** pada **semester 1 sesi 2022/2023**.
- 2.1.2 Membuat permohonan dalam talian iaitu melalui sistem hostel di pautan **<http://hostel.utm.my>**. Pelajar yang membuat permohonan dari luar kawasan kampus perlu membuat permohonan menggunakan VPN UTM.
- 2.1.3 ID pengguna dan kata laluan ACID UTM diperlukan semasa daftar masuk untuk permohonan melalui sistem hostel.
- 2.1.4 Keputusan permohonan penginapan masing-masing boleh diketahui serta merta selepas pelajar melengkapkan proses permohonan kolej kediaman dan sistem akan menyatakan jenis bilik dan kolej yang berjaya dipohon.
- 2.1.5 Jika pelajar telah memohon kolej kediaman melalui sistem hostel dan nama mereka dipaparkan di dalam sistem, permohonan itu dianggap **berjaya**.
- 2.1.6 Semua bilik yang dipaparkan dalam sistem hostel adalah tertakluk kepada ketersediaan bilik kolej kediaman. Sekiranya ia memaparkan **penuh (full)** bermakna **tiada lagi bilik dapat ditawarkan di kolej tersebut**.
- 2.1.7 Pelajar boleh memohon KLG Campus Residence sebagai alternatif penginapan **sekiranya tiada lagi kekosongan di kolej kediaman**. Berikut adalah maklumat berkaitan KLG Campus Residence:

**KLG Campus Residence**  
Jalan Rotan, Taman Sri Pulai,  
81110 Johor Bahru.  
Tel: 012-7913988  
<https://www.klgresidence.com/>

- 2.1.8 Pelajar yang **tidak berjaya** memohon kolej kediaman perlu mengosongkan bilik dan menyerahkan kunci kepada pengurusan kolej kediaman.
- 2.1.9 Permohonan melalui rakan adalah **tidak dibenarkan**.

## 2.2 Tarikh Permohonan Kolej Kediaman

2.2.1 Permohonan dibuka bermula jam **10.00 pagi** pada tarikh permohonan dibuka mengikut jenis pelajar yang ditetapkan.

2.2.2 Tarikh permohonan kolej kediaman bagi pelajar kanan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pelajar	Tempatan	Antarabangsa
1.	Prasiswazah	27 Julai 2022 – 31 Julai 2022	8 Ogos 2022 – 12 Ogos 2022
2.	Pascasiswazah	2 Ogos 2022 – 6 Ogos 2022	

## 2.3 Senarai Kolej Kediaman yang Ditawarkan

2.3.1 Senarai kolej kediaman yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.3.2 Pelajar dinasihatkan supaya mengambil berat tentang pemilihan kolej dan jenis bilik yang bakal dipohon. Sebarang **pindaan** selepas permohonan asrama **tidak dibenarkan**.

## 2.4 Pengambilan Kunci

2.4.1 Jadual pengambilan kunci bilik di pejabat kolej kediaman adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
<b>14 Oktober 2022</b> <b>(Jumaat)</b>	9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 5.00 petang
<b>15 Oktober 2022</b> <b>(Sabtu)</b>	9.00 pagi – 1.00 petang 2.30 petang – 5.00 petang

2.4.2 Pelajar yang pulang ke kampus selain daripada waktu yang ditetapkan perlu berhubung kepada pihak kolej kediaman masing-masing terlebih dahulu. Maklumat kolej kediaman boleh dirujuk pada **Lampiran 2**.

2.4.3 Dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran masuk adalah seperti berikut:

- a) Menunjukkan bukti keputusan ujian RTK-Antigen sendiri dalam tempoh 24 jam sebelum memasuki kampus (bertarikh).
- b) Bukti kelulusan dari sistem hostel.

- 2.4.4 Penentuan bilik dan blok penyewaan akan ditetapkan oleh pihak pengurusan kolej kediaman.
- 2.4.5 Pelajar perlu mengisi borang inventori bilik dan menyerahkan kembali kepada pihak kolej kediaman mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan menyerahkan kembali borang tersebut dianggap bahawa kelengkapan di bilik tersebut adalah baik dan lengkap. Segala kerosakan di bilik selepas tamat tempoh penyerahan borang adalah tanggungjawab pelajar.

## 2.5 Kadar Sewa Bilik Kolej Kediaman

- 2.5.1 Kadar sewa bilik mengikut kolej kediaman adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 2.5.2 Caj kolej kediaman bagi pelajar yang berjaya dalam permohonan kolej kediaman melalui sistem hostel akan didebitkan secara automatik ke dalam akaun pelajar. Jumlah caj yang didebit adalah bagi tempoh satu (1) semester pengajian dan mengikut kadar bilik yang ditetapkan.
- 2.5.3 Pelajar yang telah **berjaya** memohon kolej kediaman **tetapi tidak** mengambil kunci atau **mendaftar masuk** bagi sesi tersebut **tetap perlu membayar caj kolej kediaman** yang telah didebitkan ke dalam akaun masing-masing.

## 2.6 Pertukaran Bilik dan Pertukaran Kolej Kediaman

- 2.6.1 Pelajar dibenarkan membuat pertukaran bilik atau pertukaran kolej kediaman **bermula 16 Oktober 2022 sehingga 27 Oktober 2022 sahaja**.
- 2.6.2 Sebarang pertukaran bilik atau pertukaran kolej kediaman selepas tempoh yang dibenarkan akan dikenakan yuran perkhidmatan seperti berikut:

Tarikh Pertukaran Bilik / Kolej Kediaman	Yuran Perkhidmatan	Caj Penginapan Kolej Kediaman
16 Oktober 2022 – 27 Oktober 2022	Tiada	Mengikut kadar jenis bilik
30 Oktober 2022 – 23 Februari 2023	Pertukaran Bilik = RM25.00 Pertukaran Kolej = RM50.00	Berdasarkan kepada caj sewaan tertinggi

### 3.0 Penempatan Sementara Pelajar yang Menginap di Blok Terlibat bagi Kerja-kerja Penyenggaraan dan Pertukaran Perabot

- 3.1 Pelajar yang menginap di blok/kolej yang terlibat dengan proses kerja-kerja penyenggaraan dan pertukaran perabot **wajib** mengosongkan bilik dan memulangkan kunci bilik di pejabat kolej. Tarikh pemulangan kunci adalah dilanjutkan sehingga **31 Julai 2022**. Blok-blok yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Kolej	Blok
1.	Kolej Rahman Putra (KRP)	G05, G06, G07 dan G08
2.	Kolej Tun Fatimah (KTF)	H02, H03, H04 dan H05
3.	Kolej Perdana (KP)	Semua blok
4.	Kolej 9&10	Semua blok
5.	Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Semua blok

- 3.2 Pelajar dibenarkan membuat sewaan bilik bermula **31 Julai 2022 sehingga 25 September 2022** dengan membuat permohonan melalui emel atau secara *walk-in* di penempatan sementara yang telah ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Jenis Pelajar	Jantina	Kolej	Jenis Bilik
1.	Prasiswazah Tempatan	Siswa	Semua kolej kecuali KTF, KP, K9&10 dan KDSE	Berdua
		Siswi	Semua kolej kecuali KP, K9&10, dan KDSE	
2.	Pascasiswazah dan Antarabangsa	Siswa	KRP	Berdua
		Siswi	KTHO	

### 4.0 Latihan Industri / Latihan Mengajar

- 4.1 Pelajar yang menjalani latihan industri atau latihan mengajar pada Semester 1 Sesi 2022/2023 dibenarkan menginap di dalam kampus dengan membuat permohonan kolej kediaman secara atas talian sepertimana Perkara 2.1 di atas. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman.

### 5.0 Hal-Hal Lain

- 5.1 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.

- 5.2 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.
- 5.3 Pelajar yang mendiami kolej kediaman adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.


Diharap semua pelajar mengambil maklum proses permohonan kolej dan pendaftaran masuk bagi Semester 1 Sesi 2022/2023 seperti yang telah ditetapkan dan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan penginapan sedia ada di dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**ARIFFIN BIN BASSERANY**  
Ketua Unit Residen  
Seksyen Pengurusan Perniagaan  
Bahagian Pengurusan Aset  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
UTM Johor Bahru

- s.k - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Pengarah Keselamatan

***Sekiranya terdapat perbezaan maksud dalam Notis versi Bahasa Inggeris maka versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.***

**SENARAI KOLEJ YANG DITAWARKAN DAN KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN  
SEMESTER 1 SESI 2022/2023**

Kolej	Jantina	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari	
			Kategori Pelajar	
			Tempatan	Antarabangsa
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	Siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00
	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	Siswa dan Siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00
	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00
	Siswi	Berdua (Blok MA)	RM5.00	RM12.00
	Siswa dan Siswi	Berdua	RM4.00	
	Siswi	Berdua dengan bilik air	RM25.00	RM25.00
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00
Kolej Perdana (KP)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00
Kolej 9 & 10 (K9&10)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa	Seorang	RM6.00	RM12.00
	Siswi	Berdua	RM4.00	RM10.00

## MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN UNTUK DIHUBUNGI

Kolej	Emel	No. Telefon
Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	07-5537242
Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	07-5537255
Kolej Tun Razak (KTR)	ktr@utm.my	07-5530542
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	ktho@utm.my	07-5532151
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	ktdi@utm.my	07-5531951
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	ktc@utm.my	07-5535658
Kolej Perdana (KP)	pejabatkolejperdana@utm.my	07-5536609
Kolej 9&10 (K9&10)	kolej910@utm.my	07-5535015
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	kdse@utm.my	07-5537702
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	kdoj@utm.my	07-5537708
Perumahan Pelajar Berkeluarga UTM (PPBU)	ufhkolejperdana@utm.my	07-5536614